

Rakyat perlu bersatu padu

UM - 4/3/2007.

PEKAN 3 Mac - Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak mahu rakyat pelbagai kaum di negara ini terus bersatu padu ke arah menjadikan Malaysia sebuah negara lebih kuat dan berjaya.

Kata beliau, setelah 50 tahun mencapai kemerdekaan, rakyat pelbagai kaum di negara ini telah berjaya memperlihatkan kepada dunia bahawa mereka boleh hidup bersatu walaupun dalam kepelbagaian budaya dan agama.

Jelasnya, perkara yang selama ini dilihat sebagai halangan untuk bersatu semakin diterima oleh semua ahli masyarakat sebagai sebahagian daripada budaya bangsa di negara ini.

"Kejayaan kita mentadbir Malaysia selama 50 tahun telah membawa kita kepada satu peringkat di mana perbezaan dan kepelbagaian budaya, agama dan cara hidup bukan satu lagi masalah untuk kita, sebaliknya ia satu keunikan dan kekuatan dalam negara kita," katanya.

Beliau berkata demikian semasa berucap pada Majlis Sambutan Tahun Baru Cina 2007 anjuran MCA Bahagian Pekan dan Jabatan Hal Ehwal Khas (Jasa), Pahang di sini hari ini.

Tambah Najib, rakyat pelbagai kaum di negara ini perlu menggembeng tenaga dan komitmen agar kejayaan demi kejayaan terus dicapai.

Jelas beliau, perkara ini boleh dicapai melalui dasar-dasar yang adil dan saksama yang telah dilaksanakan negara selama ini.

"Melalui permuafakatan kaum, kita akan terus berjaya," ujarnya.